

Ek

ECONEWS

WIRA DUA PINTU JENIS HATCHBACK DIKELUARKAN TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Dua model jenis hatchback Proton Wira akan dikeluarkan tahun depan menurut projek usahasama antara PROTON dan Diversified Resources Bhd, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata projek usahasama itu, yang dimeterai secara rasminya setelah memorandum persefahaman ditandatangani hari ini antara kedua-dua pihak, akan mengendalikan pembangunan, pembuatan, penjualan dan pengedaran model Proton dan model lain.

Ketika bercakap sebelum upacara menandatangani memorandum itu, Dr Mahathir berkata, Proton akan menumpukan perhatiannya kepada kereta jenis hatchback dan sedan empat pintu Proton Iswara dan Wira.

Beliau berkata infrastruktur yang diperlukan harus dipasang dan siap untuk pelancaran jenis hatchback dua pintu.

Kaedah menjimatkan kos perlu dicari, kata Perdana Menteri sambil menambah bahawa ia akan memastikan kereta itu berdaya saing, terutamanya apabila kereta itu dieksport.

Beliau yakin kereta itu akan mendapat sambutan hangat di kalangan masyarakat muda Eropah. Sebanyak 30 peratus daripada kereta yang dijual di negara-negara tersebut adalah jenis dua pintu.

Untuk pasaran tempatan, Perdana Menteri berkata pengeluaran pelbagai model Proton akan membolehkan rakyat Malaysia mempunyai banyak pilihan bagi memenuhi citarasa masing-masing.

Bagaimanapun, katanya, walaupun usahasama itu menyediakan peluang penyertaan kepada mereka yang sudahpun terbabit dalam industri motor, ia tidak akan menjejaskan yang lain.

Dr Mahathir juga berkata syarikat itu harus mengaut untung malah dalam tahun pertama dan beliau turut menggesa syarikat usahasama itu untuk mempertingkatkan keupayaan daripada segi kemudahan dan sumber serta mencapai tahap keupayaan bersaing.

"Untuk ini, syarikat usahasama itu mesti bersedia melabur," katanya sambil menambah bahawa Proton dan DRB harus menubuh jawatankuasa bersama atau pasukan petugas, dengan penyertaan kakitangan Proton dalam bidang kritikal iaitu penyelidikan dan pengembangan, kejuruteraan pengeluaran dan pembangunan pembekalan.

Mengikut perjanjian persefahaman itu, DRB mempunyai penyertaan ekuiti 51 peratus dalam syarikat usahasama itu, Proton 30 peratus dan bakinya akan dilanggan oleh pelabur baru.

Memorandum persefahaman itu telah ditandatangani oleh pengerusi DRB, Datuk Yahaya Ahmad dan Pengarah Urusan Proton, Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh serta disaksikan oleh Perdana Menteri.

Yang turut hadir ialah Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Pada persidangan akhbar, Mohd Nadzmi berkata dua model jenis hatchback dua pintu Proton Wira akan berada di pasaran 12 bulan dari sekarang.

Model jenis hatchback 1.3 dan 1.5 akan lebih dituju kepada mereka yang baru sahaja mahu memiliki kereta manakala model 1.6 GTi pula mengambil kira mereka yang mengutamakan prestasi.

Mohd Nadzmi berkata 500 unit menggunakan enjin Proton, akan dikeluarkan di kilang pengeluaran DRB di Pahang dalam tahun pertama pengeluarannya, walaupun rangkaian berasingan telah dipasang dan boleh mengeluarkan 1,500 unit sebulan.

DRB kini memasang kenderaan-kenderaan jenis Isuzu, Pajero dan Citroen.

DRB kini memiliki Auto Elegance (M) Sdn Bhd yang kemudiannya diberi nama baru iaitu Usahasama Proton-DRB Sdn Bhd dan mempunyai modal dibenar yang diperbesarkan sebanyak RM100 juta dan modal berbayar RM10 juta.

Yahaya pula berkata hatchback dua pintu akan menggunakan 80 peratus kandungan komponen tempatan yang akan membantu mencapai pengiktirafan dalam pasaran antarabangsa sebagai kenderaan buatan Malaysia.

Katanya kilang Automative Manufacturers (M) Sdn Bhd di Pekan, tempat DRB memasang model lainnya, akan dipertingkatkan dan diperluaskan bagi mengendalikan pengeluaran jenis hatchback Proton Wira.

Beliau menjangka pelaburan tambahan antara RM70 juta dan RM80 juta untuk tujuan itu. -- Bernama